



## KETUA AUDIT NEGARA

(OFFICE OF THE AUDITOR - GENERAL)

BLOK D2, ARAS 9,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA.

Telefon : 603 - 8886 3300

Fax : 603 - 8888 9701

EMail : ag@audit.gov.my

Ruj. Fail :

AUDIT/IP/147/656/3 (34)

Tarikh :

26 Mac 2002

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian  
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan  
Ketua-ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri  
YB Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan

### **Pekeliling Ketua Audit Negara Bil. 1/2002**

#### **- Garis Panduan Untuk Mengujudkan Kerjasama Antara Jabatan Audit Negara Dengan Unit Audit Dalam**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Jabatan Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan tentang pengurusan kewangan dan aktiviti-aktiviti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Agama Islam dan lain-lain Kumpulan Wang untuk mengesahkan sama ada ia diuruskan dengan teratur dan mematuhi undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan. Laporan Ketua Audit Negara bagi kebanyakan akaun berkenaan perlu dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri. Fungsi dan tanggungjawab Unit Audit Dalam (UAD) pula adalah dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1979. Antara lainnya, UAD adalah bertanggungjawab untuk menilai kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi di mana ia ditugaskan dan membantu pihak pengurusan itu mengesan kelemahan sistem kawalan kewangan dan operasinya. Laporan Audit UAD dikemukakan kepada Ketua Organisasi untuk membolehkannya mengambil tindakan pembetulan.

3. Pada asasnya, Jabatan Audit Negara dan UAD adalah mempunyai tanggungjawab yang berbeza namun kedua-duanya mempunyai matlamat yang sama iaitu memastikan ujudnya akauntabiliti dan integriti dalam penggunaan wang awam serta menggalakkan pentadbiran yang cekap dan berhemat. Bagi memastikan pencapaian matlamat tersebut kedua-dua agensi ini perlu bekerjasama khususnya dalam

kerja-kerja yang berkaitan dengan pengauditan. Bersama-sama ini saya sertakan satu garis panduan yang menerangkan mekanisma untuk mengujudkan kerjasama antara kedua-dua agensi.

Sekian, terima kasih.

‘ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ‘

‘ AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI ‘

Yang ikhlas

  
( DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL )  
Ketua Audit Negara Malaysia

s.k.

Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara

Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Perbendaharaan